

PM kunjungi Karnival Jelajah Janji Ditepati di Stadium Batu Pahat esok
Utusan Online
06 April, 2012

BATU PAHAT 5 April - Kira-kira 50,000 orang dijangka membanjiri Stadium Batu Pahat di sini Sabtu ini sempena kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Karnival Jelajah Janji Ditepati.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, penduduk tempatan amat bertuah kerana ia adalah kunjungan pertama Najib sebagai Perdana Menteri ke daerah ini yang sinonim dengan pengasas UMNO, Datuk Onn Jaafar.

"Dahulu Datuk Onn menyeru ke arah perpaduan kaum dan kini mesej perpaduan juga sentiasa ditekankan oleh Perdana Menteri menerusi konsep 1Malaysia demi keamanan, kemajuan dan kemakmuran negara.

"Penduduk Batu Pahat khususnya dan negeri Johor umumnya, pasti berasa amat bertuah dengan kunjungan Perdana Menteri dalam program yang paling besar diadakan di daerah ini," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak karnival berkenaan di Stadium Batu Pahat hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Ahmad Zahri Jamil; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senggarang, Ja'afar Hashim dan Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Din Ahmad.

Abdul Ghani berkata, persiapan yang dijalankan untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri berjalan lancar hasil kerjasama pelbagai pihak termasuk Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Beliau turut menyeru orang ramai agar tidak melepaskan peluang bertemu dengan Perdana Menteri dalam program itu yang diadakan sempena tiga tahun pentadbiran Najib.

Dalam kunjungan ke daerah ini, Najib dijadual melawat kawasan Pasar Awam Jalan Ibrahim dan bersarapan bersama peniaga dan orang ramai di situ kira-kira 9 pagi sebelum meneruskan lawatan ke Stadium Batu Pahat pada pukul 10 pagi.

Karnival Jelajah Janji Ditepati bakal menampilkan pelbagai produk 1Malaysia seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA), Kedai Ikan Rakyat 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia dan Rumah 1Malaysia.

Turut dijadualkan hadir pada program itu adalah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0406&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm